

**KEARIFAN DAN KONSEP REKAAN KRAF ANYAMAN WARISAN  
DUSUN TINDAL DI SABAH  
*THE WISDOM AND CONCEPT OF THE DUSUN TINDAL WOVEN  
CRAFT HERITAGE IN SABAH***

**Salbiah Kindoyop<sup>1</sup>  
Humin Jusilin<sup>2</sup>  
Noria ak Tugang<sup>3</sup>**

*Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah<sup>1&2</sup>*

*Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak<sup>3</sup>*

*salbiah.bea@gmail.com1, zumin@ums.edu.my2, tnoria@unimas.my3*

*Tarikh dihantar: 7 Julai 2019 / Tarikh diterima: 7 Ogos 2019*

---

**ABSTRAK**

Anyaman ialah hasil seni kraf tangan yang memaparkan bahan alam semula jadi yang mewujudkan bahan utiliti melalui kearifan ciptaan manusia. Kraf anyaman etnik Dusun Tindal, iaitu fokus penulisan artikel ini mempunyai kesenian dan nilai keindahan tersendiri melalui rekaan motif dan corak yang dihasilkan. Setiap motif dan corak telah diolah selaras dengan fungsinya, iaitu sebagai bahan utiliti dalam aktiviti seharian mereka. Kajian yang berasaskan kerja lapangan ini mengumpul dan menganalisis reka bentuk motif anyaman yang dikaitkan dengan signifikan warisan kearifan masyarakat etnik Dusun Tindal di daerah Kota Belud, Sabah. Hasil analisis mendapati kraf anyaman etnik Dusun Tindal mempunyai perkaitan rapat dengan pemikiran tukang krafnya dan mempengaruhi kehidupan dan kebudayaan etnik Dusun Tindal di Kota Belud. Reka bentuk dan motif anyaman tradisional dapat mencerminkan identiti budaya yang menonjolkan kesenian etnik Dusun Tindal yang diturunkan sejak zaman berzaman. Reka bentuk dan motif anyaman turut menjadi identiti warisan kearifan yang berkonsepkan geometri dan berimbangan simetri. Hasil penyelidikan ini memaparkan keistimewaan rekaan kraf anyaman tradisi etnik Dusun Tindal berdasarkan konsep kearifan dan rekaannya.

**Kata kunci:** Kraf anyaman, etnik Dusun Tindal, konsep rekaan, kearifan.

***ABSTRACT***

*Woven craft refers to hand-crafted art from natural materials that have been created to reflect nature for utility from the creative wisdom of the people. The woven craft of the Tindal Dusun is the focus of this article as these craft(s) possess their art and beauty especially the motif designs and patterns produced. Each motif and pattern has been created in*

*harmony with its function in their daily activities. This study, which is based on fieldwork, collects and analyzes designs of woven motifs that are significantly associated with the wisdom of the Tindal Dusun ethnic in Kota Belud, Sabah. The analysis found that the woven motifs and patterns are strongly linked with the thoughts of the craftsmen and the influences from their lifestyle in Kota Belud. The traditional designs and motifs of the woven craft also reflect the cultural identities that highlight the ethnic arts of the Tindal Dusun that were passed down from generation to generation. The patterns and motifs reflect the inherited wisdom conceptualized through geometry and symmetrical balance. The results of this research highlight the distinctive Tindal Dusun identity conceptualized in their woven craft concerning creative wisdom concept.*

**Keywords:** *Woven craft, Dusun Tindal ethnic, creative concept, wisdom.*

## PENGENALAN

Etnik Dusun Tindal tergolong sebagai salah satu subetnik Kadazan dan Dusun di Sabah. Masyarakat Kadazan dan Dusun adalah satu rumpun yang besar dan sesuai bagi panggilan kaum yang terpadu dalam rumpun Dusunik, Paitanik dan Murutik (Lasimbang, 1996: 179; Shim, 2007: 14). Etnik Kadazan dan Dusun yang pelbagai dan bermukim di kawasan yang berasingan dengan menggunakan dialek yang berlainan tidak menimbulkan masalah komunikasi antara satu etnik dengan etnik yang lain. Hal ini disebabkan terdapat ciri-ciri budaya yang dikongsi berdasarkan warisan yang sama. Etnik-etnik ini juga kaya dengan hasil kesenian tersendiri seperti pakaian tradisional, amalan adat tradisi dan hasil-hasil seni dalam kraf tangan (Ismail, 2007: 4; Ismail & Jane Wong, 2002: 16). Dari segi budaya dan cara hidup, etnik Dusun Tindal mempunyai banyak persamaan dengan etnik Kadazan dan Dusun yang lain berdasarkan amalan, kepercayaan, bahasa, upacara dan adat-istiadat (Benedict, 1984: 4). Etnik Dusun Tindal mempunyai amalan warisan tradisional yang dapat mewakili keutuhan identiti mereka (Mohd. Razalee, 1986: 19). Masyarakat ini juga mempunyai akal dan pemikiran yang kreatif sehingga dapat mencipta hasil seni kraf tangan yang tersendiri. Selain daripada kearifan dalam menghasilkan pakaian tradisi dan kraf tangan yang mempunyai pelbagai rekaan, masyarakat Dusun Tindal turut aktif menghasilkan kraf anyaman. Antara jenis anyaman yang dihasilkan oleh masyarakat Dusun Tindal adalah seperti anyaman bakul, tikar, raga dan bekas menyimpan padi (Salbiah, Humin & Noria, 2016: 83). Kajian ini hanya memfokuskan tentang anyaman tradisional etnik Dusun Tindal, iaitu bakul *nurod*, bakul *sisiri* dan *sirung*.

## SOROTAN LITERATUR

Tidak banyak kajian tentang kraf tangan etnik Dusun Tindal boleh ditemui. Pada masa ini hanya terdapat dua buah kertas prosiding yang berkait rapat dengan kraf tangan etnik Dusun Tindal. Hanya Salbiah dan Noria (2016) dalam tulisan mereka membincangkan reka bentuk dan aksesori pakaian tradisional wanita etnik Dusun Tindal secara khusus. Kedua-dua orang penulis ini telah memfokuskan peranan pakaian tradisional tersebut dalam status kehidupan seseorang wanita. Etnik Dusun Tindal didapati menggunakan warna sebagai simbol status seseorang. *Rinagang* (warna merah) misalnya mencerminkan status seorang wanita bujang.

Seterusnya, Salbiah, Noria dan Humin (2016) telah memfokuskan konsep reka corak dalam penghasilan kraf tangan tradisional etnik Dusun Tindal. Dalam perbincangan mereka, penulis telah memfokuskan kearifan pemikiran etnik Dusun Tindal dalam penciptaan reka bentuk dan motif kraf tangan dalam kegunaan aktiviti harian mereka. Tulisan Salbiah dan Noria (2016) dan Salbiah, Noria dan Humin (2016) ini dianggap penting kerana aspek-aspek seperti reka bentuk, motif dan corak pakaian adalah berkait dengan fokus anyaman kraf tangan etnik Dusun Tindal. Unsur-unsur estetika seperti harmoni,imbangan, kesatuan dan makna telah ditonjolkan dalam tulisan ini.


Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji sebelumnya, timbul keinginan menyelidik untuk menjalankan kajian analisis yang memfokuskan kepada kearifan dan konsep rekaan kraf anyaman etnik Dusun Tindal. Kajian analisis ini bertujuan mengisi jurang kajian yang lepas dengan menumpukan perkaitan budaya kehidupan etnik Dusun Tindal dengan penghasilan kraf tangan anyaman tradisional mereka. Satu lagi isu yang timbul adalah perkongsian budaya benda Dusun Tindal dengan rumpun Dusun yang lain mewujudkan konflik identiti warisan, terutamanya dalam aspek kraf tangan tradisional. Hal ini disebabkan pemilikan budaya kraf tangan anyaman Dusun Tindal hampir sama dengan etnik-etnik Dusun di tempat lain. Seterusnya, pengetahuan generasi moden berkenaan nilai dan makna warisan kraf tradisional didapati kurang.

Oleh itu, penulisan tentang analisis kearifan dan konsep reka bentuk dan kraf anyaman ini dapat mengabadikan warisan anyaman kraf tangan tradisional etnik Dusun Tindal dari segi proses dan teknik penghasilan serta alat dan bahan penghasilan kraf tangan.

## Kraf Anyaman Dusun Tindal

Petempatan etnik Dusun Tindal yang dikelilingi dengan bahan alam ini telah mendorong mereka untuk menghasilkan pelbagai jenis kraf yang menarik. Kraf yang dihasilkan mempunyai kegunaan dan fungsi dalam kehidupan seharian mereka (Ismail, 2011: 70). Hasil seni kraf warisan tersebut membuktikan sifat kearifan pemikiran masyarakatnya melalui pembentukan rekaan dan motif kraf. Konsep pembentukan rekaan dan motif kraf anyaman etnik Dusun Tindal digambarkan melalui hiasan kraf anyaman yang dihasilkan. Pembentukan corak didasari oleh satu rupa yang disebut motif.

Motif pula adalah satu imej yang mewakili sesuatu tema, cerita atau peristiwa dan ikon kepada sesuatu yang dinamakan alat, objek buatan ataupun objek semula jadi (Ismail, 2011: 74). Analisis rekaan dan motif secara langsung memberi penjelasan kepada kewujudan ikon pada motif yang diperagakan. Terlebih dahulu, teknik dan bahan yang digunakan dalam penghasilan empat jenis kraf anyaman tradisional etnik Dusun Tindal, iaitu bakul *nurod*, bakul *sisiri* dan *sirung* diterangkan (Rajah 1). Selain itu, kearifan tempatan yang berkait dengan teknik, proses dan bahan anyaman Dusun Tindal juga akan diberikan tumpuan. Jika Normadiah dan Low (2017) membincangkan unsur kearifan tempatan naratif perubatan tradisional etnik Murut Tahol sebagai kearifan yang diwarisi secara turun-temurun, makalah ini pula akan memfokuskan kearifan secara turun-temurun etnik Dusun Tindal dalam aspek anyaman kraf tangan.



*Nurod*



*Sisiri*



Sirung (depan)



Sirung (dalam)

Sumber: Koleksi hasil kerja lapangan penulis.

### Rajah 1 Imej kraf anyaman

Rajah 1 menunjukkan rekaan dan corak motif yang hampir sama, iaitu dianyam secara berselang-seli dalam kedudukan melintang dan menegak. Keempat-empat jenis anyaman ini juga mempunyai fungsi yang digunakan dalam kehidupan seharian mereka seperti alat menyimpan barang dan makanan serta digunakan sebagai bahan utama dalam aktiviti menampi padi.

Bahan asas yang digunakan dalam seni anyaman tradisional etnik Dusun Tindal disebut *poring* (bambu). *Poring* digolongkan kepada tiga jenis, iaitu *tuluh* (berbatang kecil atau kurus), *polupu* (berbatang panjang dan kecil atau kurus) dan *tambatuon* (berbatang besar dan panjang). Selain *poring*, *sogoh* atau *tuai* (rotan) merupakan bahan utama dalam penghasilan anyaman tradisional. Rotan mempunyai dua saiz, iaitu rotan berbatang besar dan rotan berbatang kecil. Berikut dinyatakan bahan, teknik dan proses hasil temu bual dan pemerhatian dari lapangan untuk anyaman *bakul nurod*, *sisiri* dan *sirung*.

### Bakul Nurod dan Sisiri

Penyediaan bahan asas dan peralatan adalah satu proses yang dilakukan oleh penganyam sebelum memulakan proses menganyam. Bahan dan peralatan disediakan untuk melancarkan proses menganyam dilakukan. Bahan dan peralatan untuk menganyam bakul *nurod* dan *sisiri* adalah hampir sama dan mempunyai teknik yang sama kecuali reka corak anyaman yang terhasil. Jadual 1 menunjukkan bahan dan peralatan yang digunakan untuk menganyam bakul *nurod* dan *sisiri*.

**Jadual 1** Bahan dan peralatan membuat bakul

<p><i>Poring</i> (Bambu)</p>  <p><i>Poring</i>, iaitu bahan utama yang digunakan untuk menganyam bakul.</p>	<p><i>Sogoh</i> (Belahan rotan)</p>  <p><i>Sogoh</i> yang telah dibelah dan dihaluskan digunakan sebagai pengikat atau kemasam bahagian <i>dulung</i>. <i>Sogoh</i> juga digunakan sebagai <i>togiwis</i> (tali penyangkut).</p>
<p><i>Pais</i> (Pisau)</p>  <p><i>Pais</i> digunakan untuk membelah dan menghaluskan rotan.</p>	<p><i>Takang</i> (Pemegang)</p>  <p>Bahan kayu yang direka seperti sepana untuk memegang dan mengetatkan bentuk anyaman.</p>
<p><i>Susuput</i> (Penebuk)</p>  <p><i>Susuput</i> digunakan sebagai penebuk lubang untuk memasang jahitan atau ikatan.</p>	<p><i>Dangol</i> (Parang)</p>  <p><i>Dangol</i> digunakan untuk memotong pelepah rumbia.</p>

Proses *mangatu* (menganyam) kraf tangan Dusun Tindal biasanya dilakukan pada waktu pagi atau malam. Tindakan ini bagi mengelakkan kulit bambu daripada *alapak* (pecah). Satu lagi waktu yang sesuai adalah pada hari yang redup dan lembab kerana kulit bambu yang telah dilicinkan lebih mudah dianyam dalam keadaan basah atau lembab. Pengetahuan sedemikian merupakan kearifan secara turun-temurun etnik Dusun Tindal bagi memastikan kraf tangan yang bakal dihasilkan berkualiti. Kearifan sedemikian penting untuk proses membuat bakul *nurod* dan *sisiri* secara anyaman seperti berikut:

- a) *Mokiburuon* atau *Mokiporing* – mencari batang bambu yang sesuai dijadikan bakul.
- b) *Momutul om mamalapak* – memotong dan membelah batang bambu.




- c) *Momuhus* – mengemaskan helaian kulit bambu.
- d) *Mangatuh* – menganyam bakul.
- e) *Monginsok* – memampatkan anyaman.
- f) *Poposidang* – menjemur anyaman sehingga kering.
- g) *Momodulung* – membentuk bakul menjadi bulat atau bujur dengan menggunakan batang bambu yang keras.
- h) *Mongila Sogoh* – membelah dan menghaluskan rotan.
- i) *Momolongkop* – mengikat tali rotan pada bingkai pemegang.
- j) *Momuhus do sogoh* – mengambil isi rotan untuk digunakan sebagai hiasan di atas permukaan dulang.
- k) *Ogiwsan* – memasang tali penyangkut.

**Jadual 2** Bahan dan teknik menganyam *nurod* dan *sisiri*

 <p><i>Momuhus do buruon</i></p>	 <p><i>Mangatuh</i></p>
 <p><i>Momuhus Dulung</i></p>	 <p><i>Momodulung</i></p>
 <p><i>Momolongkop</i></p>	 <p><i>Momolilit</i></p>

Terdapat enam langkah penting untuk menghasilkan bakul, iaitu bermula dengan *momuhus do buruon*, *mangatuh*, *momuhus do dulung*, *momodulung* dan *momolongkop*. Menurut Tumbil bin Tundan (informan), untuk menyiapkan sebuah bakul akan mengambil masa sehari. Walau bagaimanapun, tukang kraf Dusun Tindal lebih cenderung menyiapkan bakul dalam dua proses yang berbeza secara serentak. Proses yang pertama adalah proses menganyam dan proses kedua adalah proses membentuk dan mengemaskan anyaman sehingga siap. Dalam pengamatan penulis, langkah ini merupakan kearifan yang dimiliki oleh tukang kraf bagi menghasilkan kuantiti bakul yang banyak sambil menjimatkan masa mereka. Hal ini disebabkan mereka menganyam bakul dalam kuantiti yang banyak sebelum membentuk bingkai bakul secara serentak.

Anyaman *nurod* dan *sisiri* dimulakan mengikut reka bentuk dan corak yang ditentukan. Helaian kulit bambu yang telah dikemaskan dan dihiris dengan saiz yang sama rata akan disusun mengikut bentuk corak yang dikehendaki. Susunan anyaman yang pertama dimulakan pada bahagian tepi dan seterusnya dianyam sehingga membentuk segi empat. Bakul *nurod* dianyam menggunakan selang tiga helaian sekali, manakala bakul *sisiri* selang lima helaian. Cara anyaman motif ini adalah ringkas namun amat mengelirukan bagi individu yang baharu mempelajarinya. Penganyam biasanya akan duduk atau memijak helaian bambu yang telah dianyam bagi mengelakkan anyaman daripada terpisah.




Sumber: Koleksi hasil kerja lapangan penulis.

### Rajah 2 Teknik menganyam bakul *nurod*

Rajah 2 menunjukkan teknik menganyam bakul *nurod* pada peringkat permulaan. Rajah 2 (i) menggambarkan kedudukan helaian bambu (kiri dan



kanan) dimulakan pada bahagian bawah tepi dari kiri. Kedudukan helaian kulit bambu adalah lurus secara melintang dan menegak. Permulaan anyaman dihasilkan dengan menggunakan jumlah helaian antara 3x2 helaian. Rajah 2 (ii) adalah hasil anyaman *nurod* yang menggunakan 13x15 helaian. Hasil anyaman *nurod* dapat membentuk corak geometri berbentuk V. Corak V terhasil daripada persilangan helaian yang dianyam secara menegak dan melintang.



Sumber: Koleksi penulis.

**Rajah 3** Proses menganyam bakul *sisiri*

Rajah 3 menunjukkan teknik menganyam bakul *sisiri* pada peringkat permulaan, sementara Rajah 3 (i) menunjukkan kedudukan helaian bambu (kiri dan kanan) dimulakan di bahagian bawah tepi dari kiri. Kedudukan helaian kulit bambu adalah dalam keadaan lurus, iaitu secara melintang dan menegak. Permulaan anyaman dihasilkan dengan menggunakan 3x3 helaian. Rajah 3 (ii) memaparkan hasil anyaman bakul *sisiri* yang mempunyai skema 27x12 helaian.

### **Kraf Sirung**

Kraf *sirung* yang dihasilkan oleh etnik Dusun Tindal mempunyai keistimewaan dan keindahan tersendiri. *Sirung* biasanya berwarna asli daripada kulit bambu tetapi dianyam dengan motif-motif geometri berwarna merah, hitam dan kuning. *Sirung* biasanya digunakan oleh etnik Dusun Tindal sebagai pelindung daripada cahaya matahari. Pada kebiasaannya *sirung* dipakai semasa berniaga di tamu minggu, berkebum ataupun ketika berjalan ke sesebuah tempat. Walau bagaimanapun, pada masa kini hanya golongan orang tua yang masih menggunakan *sirung*.

**Jadual 5** Bahan dan peralatan membuat *sirung*

<p><i>Poring</i> (Bambu besar)</p>  <p>Bahan utama yang digunakan untuk menganyam.</p>	<p><i>Sogoh</i> (Rotan)</p>  <p>Digunakan sebagai dulung atau bingkai <i>sirung</i> dan bahan pengikat.</p>
<p><i>Pais</i> (Pisau)</p>  <p><i>Pais</i> digunakan untuk membelah dan menghaluskan bambu dan rotan.</p>	<p><i>Dangol</i> (Parang)</p>  <p><i>Dangol</i> digunakan untuk memotong dan membelah bambu.</p>
<p>Bahan pewarna</p>  <p>Bahan yang digunakan untuk mewarnakan <i>tusak</i> atau helaian bambu yang dianyam sebagai corak pada <i>sirung</i>.</p>	<p><i>Tusak</i> (Isi bambu)</p>  <p>Helaian isi bambu yang akan dianyam.</p>


Proses menganyam atau *mengatu sirung* biasanya dilakukan pada waktu pagi atau malam, atau pada hari yang redup dan lembab kerana kulit bambu yang telah dilicinkan lebih mudah dianyam dalam keadaan basah atau lembab. Berikut merupakan proses membuat *sirung* secara anyaman:

- a) *Mokiporing* – mencari batang bambu yang sesuai dijadikan anyaman *sirung*.
- b) *Momotul* – memotong batang bambu.
- c) *Mongimak* – membelah dan membuka isi dan kulit bambu.
- d) *Momuhus* – melicinkan helaian isi dan kulit bambu.
- e) *Mowarna* – mewarnakan isi bambu untuk dijadikan *tusak* atau corak.
- f) *Mangatuh* – menganyam.
- g) *Popiromut* – mencantumkan anyaman luar dan dalam.
- h) *Momodulung* – membentuk bingkai atau bahan penguat.
- i) *Momolongkop* – mengikat bingkai dengan tali rotan.
- j) *Ogiwsan* – memasang tangkai.

Anyaman *sirung* dimulakan mengikut reka bentuk dan corak yang ditentukan. Helaian isi dan kulit bambu yang telah dikemaskan dan dihiris dengan saiz yang sama rata dianyam mengikut bentuk corak yang dikehendaki. Susunan anyaman yang pertama dimulakan pada bahagian bucu *sirung*, iaitu bermula dari bahagian puncak dan dianyam dari atas ke bawah sehingga membentuk seperti bukit. Teknik anyaman *sirung* dimulakan secara tiga penjuru, iaitu bahagian 1, 2 dan 3 (Rajah 6 (i)) dengan selang tiga helaian. Motif anyaman adalah sama dengan bakul *nurod*, iaitu menghasilkan bentuk V tetapi mempunyai motif geometri yang terhasil daripada tiga bahagian anyaman daripada bahagian 1, 2 dan 3. Si penganyam biasanya akan menggunakan bucu lutut untuk membantu membentuk bucu *sirung*.


**Jadual 6** Proses penghasilan anyaman *sirung*






Jadual 6 menunjukkan proses penghasilan anyaman *sirung*. Terdapat sepuluh langkah yang penting, iaitu bermula dengan *mokiporing*, *momutul*, *mongimak*, *momuhus*, *mowarna*, *mangatuh*, *popiromut*, *momodulung*, *momolongkop* dan *ogiwsan*. Menurut Sapilah binti Ganau (informan), proses untuk menganyam satu *sirung* akan mengambil masa setengah hari bergantung pada bahan dan peralatan. Kebiasaannya, kuantiti bahan anyaman seperti helaian bambu yang sudah dikemaskan akan disediakan dengan jumlah yang banyak. Sebagai contoh, jumlah helaian yang dikemaskan boleh menghasilkan sekurang-kurangnya sepuluh hingga 20 buah *sirung*. Oleh itu, kesemua proses tersebut dilakukan dalam tempoh seminggu dengan kuantiti yang banyak.

Hasil kraf tersebut akan dihantar ke tamu minggu Kota Belud yang diadakan pada setiap hari Ahad. Kraf *sirung* biasanya dijual kepada pemborong yang bergiat aktif dalam penjualan kraf tangan di seluruh Sabah. Hasil jualan yang lumayan dapat mendorong si pembuat kraf untuk meneruskan penghasilan kraf *sirung*. Terdapat dua peringkat harga bagi *sirung*, iaitu harga kepada pembeli dan harga kepada pemborong. Bagi pembeli, sebuah *sirung* dijual dari RM15.00 hingga RM20.00, tetapi harga untuk pemborong ialah RM8.00 hingga RM10.00. Harga *sirung* biasanya boleh ditambah dan dikurangkan mengikut budi bicara si penjual.



(i)





(ii)



(iii)

Sumber: Koleksi hasil kerja lapangan penulis.

### Rajah 5 Teknik menganyam *sirung*

Rajah 5 menunjukkan teknik dan hasil anyaman kraf *sirung*. Rajah 5 (i) menggambarkan kedudukan pertama helaian bambu yang disusun secara tiga penjuruan melalui tiga bahagian, iaitu bahagian 1, bahagian 2 dan bahagian 3. Kedudukan tiga bahagian helaian bambu adalah tiga segi yang dipertemukan. Proses pada bahagian ini adalah pembentukan bucu yang berbentuk segi tiga. Rajah 5 (ii) merupakan hasil anyaman bahagian bawah *sirung*. Kelihatan bucu dan lingkaran bulatan terbentuk. Rajah 5 (iii) adalah hasil anyaman dan motif pada bahagian luar *sirung*. Hasil anyaman *sirung* dapat membentuk corak geometri berbentuk V. Corak V terhasil daripada selang dua helai persilangan yang dianyam.



Jika diamati, anyaman kraf *sirung* juga memiliki kearifannya yang tersendiri. Dari segi penggunaan warna, pada mulanya *sirung* dihasilkan menggunakan warna hitam dan merah. Warna hitam adalah hasil daripada penggunaan *tahum* (sejenis tumbuhan liar di hutan), dan warna merah adalah hasil daripada penggunaan *gosing* (sejenis buah liar yang tidak boleh dimakan). Pengetahuan penggunaan kedua-dua pewarna semula jadi ini adalah kearifan yang dimiliki etnik Dusun Tindal. Dengan kata lain, warna hitam dan merah yang ada pada *sirung* tradisional dihasilkan daripada kearifan tradisional Dusun Tindal. Namun demikian, kewujudan bahan pewarna moden yang boleh didapati di pasaran telah menambahkan koleksi atau variasi warna pada anyaman kraf *sirung*. Hasil *sirung* yang berwarna-warni ini kelihatan lebih cantik dan menarik. Kemajuan kearifan penggunaan warna moden ini adalah mengikut cita rasa pembeli.

### **Nilai Kraf Anyaman dalam Konsep Rekaan**

Kraf tangan anyaman yang dihasilkan oleh etnik Dusun Tindal telah menonjolkan kearifan dan kreativiti masyarakat dalam penghasilan kraf tangan. Kearifan tersebut dapat ditonjolkan melalui teknik, proses dan bahan penghasilan kraf yang dilakukan oleh mereka. Rekaan kraf anyaman yang dihasilkan pula mempunyai gubahan yang menarik dan saling berhubung kait dengan objek alam sekeliling melalui pembentukan motifnya. Motif yang dihasilkan didapati diilhamkan daripada unsur alam semula jadi seperti bentuk bukit, bunga berkembang dan bentuk tangga rumah. Gubahan motif tersebut terhasil daripada pembentukan unsur seni seperti garisan, jalinan, rupa, bentuk, ruang dan warna.

Kemahiran membuat kraf tradisional dalam kalangan entik Dusun Tindal merupakan perkembangan daripada kepercayaan awal yang disambung atau diamal secara berterusan dari satu zaman ke zaman berikutnya. Warisan tradisional ini memiliki ciri-ciri budaya serta pengalaman dan kelangsungan hidup yang berkait rapat dengan budaya kehidupan etnik Dusun Tindal. Budaya ini kemudiannya diteruskan dari satu generasi ke generasi lain sehingga hari ini. Keadaan alam sekeliling yang kaya dengan bahan semula jadi juga menjadi ilham dalam menghasilkan kraf pada masa ini.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, kraf tangan anyaman yang dihasilkan oleh etnik Dusun Tindal mempunyai kearifan tempatan dari segi proses, teknik dan bahan penghasilannya. Dari segi proses dan teknik, mereka arif tentang masa yang

sesuai untuk menganyam agar kulit bambu kekal dan berkualiti. Mereka juga mahir membentuk corak dan motif seperti motif *sinuhak* (menegak) dan motif *tinibabar* (melintang) yang seimbang. Demikian juga dengan kearifan penggunaan pewarna semula jadi, iaitu *tahum* (warna hitam) dan *gosing* (warna merah) pada kraf *sirung*. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa tukang kraf yang menghasilkan kraf anyaman tradisional ini mengamalkan warisan kearifan tersebut secara turun-temurun. Tukang kraf Dusun Tindal mampu mengekalkan kearifan sedemikian tanpa bantuan daripada peralatan moden sehingga kini.

## RUJUKAN

- Benedict, T. (1984). *Kadazan Dusun culture: A frame of reference*. Kota Kinabalu: KDCA.
- Ismail Ibrahim. (2007). *Warisan motif dan corak etnik Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Ismail Ibrahim & Jane Wong Kon Ling. (2002). *Warisan seni etnik Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Lasimbang, Jannie. (1996). The indigenous people of Sabah. In Colin Nicholas & Raajen Sigh (Ed.). *Indigenous People of Asia Many People, One Struggle*, 177–195. Bangkok: Asia Indigenous Peoples Pact.
- Mohd. Razalee bin Goroh@Symin Bon Goroh. (1982). *Titian adat istiadat kaum Dusun/ Kadazan Kota Belud*. Kota Kinabalu: Sabah State Museum.
- Normadiah Nassir & Low Kok On. (2017). Unsur kepercayaan dan kearifan dalam memorat perubatan tradisional etnik Murut Tahol di Sabah. *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, 24 (2), 59–88.
- Salbiah Kindoyop, Humin Jusilin & Noria Tugang. (2016). Konsep reka corak kraf anyaman tradisional dan signifikasinya dalam warisan kearifan masyarakat Dusun Tindal di Sabah. *Conference Proceeding 6<sup>th</sup> International Conference on Local Knowledge 2016 (ICLK)*, 82–87. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Salbiah Kindoyop & Noria Tugang. (2016). Reka bentuk *rinagang* dalam kostum tradisional wanita etnik Dusun Tindal di Sabah. *Proceeding International Seminar on the Heritage and Folklore of the Malaya Archipelago 2016*, 378–384. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

## Informan

- Bania binti Sindikau (50 tahun), Kampung Tuguson, Pembuat kraf (Bakul).
- Konsimin binti Dalani (56 tahun), Kampung Tuguson, Pembuat kraf (Bakul).
- Kupun binti Sala (61 tahun), Kampung Lasau, Pembuat kraf (*Sirung*).
- Lombigung binti Matanggal (55 tahun), Kampung Bukid, Pembuat kraf (Bakul).
- Rombitoi binti Sala (63 tahun), Kampung Lasau, Pembuat kraf (Bakul).
- Sapilah binti Ganau (60 tahun) Kampung Lasau, Pembuat kraf (*Sirung*).
- Sigim binti Dalani (72 tahun), Kampung Bukid, Pembuat kraf (*Kinulung*).
- Tumbil bin Tundan (53 tahun), Kampung Bukid, Pembuat kraf (Bakul).